

13/08/2002

Snap, PBRs diminta selesai krisis dalaman

PENAMPANG, Isnin - Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) diminta menyelesaikan krisis dalaman masing-masing sebelum ia menjadi masalah kepada Barisan Nasional (BN) secara keseluruhan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kekuatan BN bergantung kepada sumbangan dan sokongan parti komponen yang sentiasa dalam keadaan kukuh dan teguh.

"Parti yang ada masalah tidak akan jadi kuat, kita mahukan semua parti komponen dan BN sendiri sentiasa kuat.

"Nasihat saya senang iaitu kedua-dua parti itu menyelesaikan masalah mereka," katanya pada sidang akhbar di kediaman Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok, di sini hari ini.

Timbalan Pengerusi BN itu diminta mengulas mengenai Snap di Sarawak dan PBRs di Sabah yang berhadapan dengan krisis dalaman dan masih tidak dapat diselesaikan sehingga sekarang.

PBRs menghadapi masalah perebutan jawatan Presiden antara penyandangannya, Tan Sri Joseph Kurup dengan Timbalannya, Datuk Dr Jeffrey Kitingan, bermula daripada insiden kedua-dua mereka mengisytiharkan diri masing-masing sebagai presiden yang sah pada pemilihan parti akhir Januari lalu.

Perkembangan terbaru krisis Snap pula ialah pelantikan Datuk William Mawan Ikom sebagai presiden baru parti itu pada mesyuarat luar biasa oleh kumpulan penentang Presiden Snap, Datuk Amar James Wong, semalam.

Bagaimanapun, kumpulan penyokong Wong menganggap mesyuarat yang dihadiri 124 perwakilan parti itu, sebagai tidak sah dan tidak mengikut perlembagaan parti.

Abdullah berkata, apa yang penting ialah semua parti komponen sentiasa kuat supaya dapat menyumbang kepada kekuatan BN secara keseluruhan.

Beliau memberi contoh, Umno yang sentiasa memastikan kestabilan parti termasuk peralihan kuasa yang berjalan lancar. Ini dibuktikan menerusi tindakan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan beliau sebagai penggantinya apabila beliau bersara.